

Enggan bekerjasama dengan kerajaan Pusat punca 44,884 kes jangkitan direkodkan

Selangor negeri wabak denggi



SELANGOR mencatat 44,884 kes denggi sepanjang tahun 2017 iaitu yang tertinggi di Malaysia. – Gambar hiasan

SHAH ALAM – Selangor merekodkan 44,884 kes denggi untuk tempoh 1 Januari 2017 sehingga 29 Disember 2017 berikutan sikap kerajaan negeri yang enggan bekerjasama dengan agensi kerajaan Pusat.

Timbalan Pengerusi Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Datuk Mat Nadzari Ahmad Dahlan (**gambar kecil**) berkata, jumlah itu menunjukkan perbezaan ketara berbanding dengan negeri yang merekodkan jumlah

kes denggi kedua tertinggi iaitu Johor dengan 7,877 kes dan Kuala Lumpur sebanyak 7,739 kes.



“Perbezaan yang ketara ini antara puncanya adalah sikap kerajaan negeri Selangor yang keberatan untuk bekerjasama dengan agensi kerajaan Pusat dalam menangani masalah ini,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Transformasi Sosial peringkat Selangor anjuran Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kera-

jaan Tempatan di pekarangan Rumah Pangsa PKNS Seksyen 20 di sini semalam.

Mat Nadzari yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Batang Kali berkata, kerajaan Pusat memperuntukkan jumlah yang besar untuk membasmi denggi di seluruh negara, namun akibat sikap keras kepala kerajaan negeri, kes denggi di negeri ini terus meningkat.

“Mereka (kerajaan negeri) lebih suka berpolitik dan meletakkan banyak kekangan daripada memberi kerjasama secara holistik dalam perkara ini,” ujarnya. – Bernama